

# MEMARTABATKAN GURU ABAD KE-21

**PERANAN** guru abad ke-21 perlu selari dengan perkembangan semasa. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) abad ke-21 juga memerlukan guru mentransformasikan amalan pedagogi yang lebih baik dan berkesan bersesuaian dengan perkembangan teknologi serta dasar pendidikan negara pada masa ini. Gelombang kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menfokuskan kemenjadian murid dan kualiti sekolah.

MAKA itu, transformasi pedagogi guru diharapkan memberikan impak kepada pembangunan pendidikan dari aspek peningkatan kualiti sekolah dan kemenjadian murid. Hal ini menuntut guru untuk menguasai kemahiran pedagogi yang mantap lagi efektif, di samping mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang bermakna kepada murid di sekolah.

Amalan pedagogi abad ke-21 memerlukan guru mempraktikkan pelbagai amalan pedagogi yang terkini yang digabungkan dengan pelbagai elemen kemahiran. Dalam konteks

ini, guru perlu memiliki ciri tertentu untuk bertindak sebagai penyebarkan ilmu yang dinamik dan berpotensi untuk membentuk kemenjadian murid. Terdapat enam ciri utama yang telah digariskan untuk guru abad ke-21, iaitu menguasai kandungan kurikulum, mahir dan berketerampilan dalam pedagogi, memahami perkembangan murid dan menyayangi mereka, memiliki kemahiran kaunseling dan menggunakan teknologi terkini.


Dalam aspek menguasai kandungan kurikulum, ciri ini menuntut guru menguasai kandungan kurikulum bagi

subjek yang diajarnya. Guru perlu memahami standard kurikulum, iaitu standard prestasi melalui dokumen standard kurikulum yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Dengan cara demikian, guru dapat meningkatkan pengetahuan mereka untuk menguasai kandungan kurikulum.

Guru perlu mahir menggunakan pelbagai kaedah dan strategi PdP yang betul semasa menjalankan PdP di bilik darjah. Dengan pelbagai kaedah PdP akan mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan, lebih kondusif dan

mesra murid. Kemahiran tambahan juga perlu dikuasai seperti berketerampilan dalam menjalankan amalan pedagogi yang boleh dicontohi oleh guru lain. Guru boleh mereka bentuk kaedah dan teknik yang terbaharu dan bentuk pengajaran lain yang menarik. Ringkasnya, guru abad ke-21 perlu menguasai kemahiran Pendidikan Abad ke-21, Program Transformasi Sekolah (TS25) dan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC).

Guru abad ke-21 juga seharusnya berkebolehan untuk mengurus dan mengawal proses PdP berdasarkan isi kandungan pelajaran yang dirancang dengan baik dan diselaraskan dengan objektif pelajaran. Guru perlu memperuntukkan masa bagi memberikan peluang kepada murid untuk mengikut pelajaran mengikut keupayaan mereka. Dalam konteks ini, guru boleh mengurus isi pelajaran mengikut keupayaan murid dengan menggunakan pendekatan, teknik dan kaedah yang sesuai dengan murid. Antara teknik yang boleh digunakan termasuklah *Think Pair Share*, *Gallery Walk*, *Stay-Stray*, *Round Table*, kerusi panas, main peranan, perbincangan, latih tubi dan permainan bahasa. Semua teknik ini perlu dikuasai oleh guru agar teknik yang digunakan boleh dilakukan oleh murid dan isi pelajaran yang disampaikan dapat difahami oleh murid. Di samping itu, guru harus menggalakkan murid untuk berinteraksi secara individu atau berkumpulan semasa aktiviti PdP berlangsung. Dengan cara ini, guru boleh mengawal kesantunan berbahasa ketika murid menerima dan menolak pendapat rakan-rakannya secara berhemah dan



*Think Pair Share.*

berbudi bahasa. Selain itu, guru boleh menggunakan pendekatan kecondan atau didik hibur seperti bercerita, teater bercerita, teater membaca, dekon, lawak jenaka, kotak beracun, boneka, nyanyi dan lakonan. Pendekatan ini diyakini dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik dan menghiburkan murid.

Guru bukan sahaja bertindak sebagai pengurus pengajaran dan pelajaran tetapi memainkan peranan sebagai arkitek yang menyusun atur bilik darjah agar kelihatan cantik, kemas dan kondusif. Persekitaran bilik darjah yang ceria dan teratur mampu menarik minat murid untuk mengikut sesi pengajaran dan tidak membosankan murid. Guru perlu menyusun kedudukan muridnya berdasarkan aktiviti sama ada individu, berpasangan, berkumpulan atau dalam bentuk kelas.

Sebagai guru mata pelajaran dan guru kelas, guru perlu membantu murid menyesuaikan diri mereka dalam pelbagai aspek sepanjang murid berada di sekolah. Guru perlu membentuk kesediaan belajar yang tinggi dalam kalangan murid. Guru bukan hanya bertanggungjawab untuk menyampaikan ilmu semata-mata malah guru bertanggungjawab untuk membentuk peribadi muridnya. Dalam hal ini, guru perlu memiliki sikap penyayang terhadap muridnya. Aspek hormat-menghormati, mengasih, menyayangi dan mempunyai belas kasihan terhadap orang lain perlu ada pada guru. Guru bertindak sebagai pembimbing dan penasihat. Untuk membentuk kemenjadian murid yang serba boleh dan mampu mendepani cabaran masa hadapan, guru perlu mengurus pasukan murid dan menunjukkan personaliti yang baik kepada muridnya. Guru digalakkan untuk mengungkapkan kata yang positif, bersangka baik, berani membuat keputusan, mudah didekati dan sentiasa mempamerkan kasih sayang kepada murid.

Guru yang dedikasi akan membawa murid untuk berubah dan meningkatkan semangat murid agar berusaha untuk memperoleh ilmu pengetahuan dengan sebaik-baik mungkin. Guru juga perlu berusaha untuk membentuk kemahiran interpersonal murid dalam diri setiap murid. Hal ini dapat membina keyakinan murid untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan di bilik darjah dengan berkesan. Dalam hal ini, guru boleh memulakan ucapan salam atau "selamat pagi" atau "selamat tengah hari" kepada murid. Selain itu, guru boleh bertanya khabar muridnya. Tindakan

*Gallery Walk.*





Round Table.

ini membantu guru untuk mengetahui masalah murid dan dapat menambah rasa sayang murid kepada guru kerana murid akan rasa dihargai.

Guru abad ke-21 perlu memahami psikologi pembelajaran murid serta memahami minat dan respons murid semasa belajar. Oleh itu, guru wajar memiliki kemahiran psikologi yang mantap agar boleh diaplikasikan secara berterusan semasa PdP berlangsung. Maka itu, guru perlu ada minat untuk membaca dan mendalami sesuatu yang baharu yang diperlukan dalam dunia pendidikan, yang secara langsung meningkatkan pengetahuan guru. Selain itu, budaya menyelidik wajar diamalkan oleh guru bagi membantu guru untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid dalam PdP yang dilaksanakannya.

Selaras dengan Revolusi Industri (RI) 4.0, disenaraikan 10 kemahiran yang perlu dimiliki oleh guru. Antaranya termasuklah kemahiran menyelesaikan masalah, berfikir secara kritis, kreatif, pengurusan sumber manusia, menyelaras dan berurusan dengan orang lain, kecerdasan emosi, mengadili dan membuat keputusan, orientasi perkhidmatan, perundingan dan fleksibiliti kognitif. Ringkasnya, guru abad ke-21 perlu berubah dan bersedia menerima transformasi pendidikan pada masa ini.

Tugas guru bukan hanya sebagai penyampai ilmu dan bertindak sebagai guru mata pelajaran semata-mata. Guru juga perlu menjadi pembimbing kerana guru yang terlatih mampu untuk menjadi pembimbing yang baik dan berkesan.

Bimbingan guru kepada murid bukan hanya tugas seorang kaunselor. Guru abad ke-21 perlu memiliki kemahiran kaunseling untuk memujuk dan memotivasikan pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana pendidikan pada masa ini memerlukan guru sebagai fasilitator yang memiliki ilmu yang mendalam, di samping membimbing muridnya ke arah hala tuju yang ingin dicapai dalam kehidupan murid pada masa hadapan.


Pada abad ini, guru mata pelajaran dan guru kelas mampu memainkan peranan sebagai pembimbing dengan mengambil kira pengalaman hidup dan kematangan emosi serta kognitif yang dimiliki oleh guru berkenaan. Hal ini disebabkan guru mata pelajaran dan guru kelas sahaja yang dapat mengesan masalah akademik yang dihadapi oleh murid. Guru mata pelajaran dan guru kelas dapat mengesan dan mengetahui bagaimana untuk menangani kelemahan dan kekuatan murid. Selain itu, guru tersebut mampu untuk memotivasikan murid mengikut cara tersendiri kerana murid amat rapat dengan guru ketika berada di bilik darjah.

Guru boleh memupuk semangat belajar dalam kalangan murid mengikut kecenderungan yang dimiliki oleh murid. Hal ini disebabkan guru mata pelajaran dan guru kelas mempunyai

masa bersama-sama yang amat panjang. Guru boleh mengenali murid secara dekat. Guru boleh membantu murid menyesuaikan diri dengan sekolah dalam pelbagai aspek mental, emosi dan persekitaran dengan baik dan berkesan kerana guru mempunyai pengaruh yang besar kepada muridnya.

Selain itu, guru boleh bertindak sebagai pemacu untuk memberikan kesedaran tentang pentingnya pendidikan kepada murid. Malahan guru juga boleh menjalankan intervensi dan tindakan susulan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh murid sebelum dirujuk kepada kaunselor. Hal ini disebabkan guru lebih rapat dan selalu berada bersama-sama murid.

Teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) membantu melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran pada masa ini. Revolusi Industri 4.0 yang sedang berlaku telah meningkatkan penggunaan Internet secara meluas dalam bidang pendidikan. Hal ini terbukti melalui penggunaan slaid Power Point, MS Word, hamparan elektronik, pembinaan pangkalan data, persembahan video dan cakera padat (CD ROM). Seajar dengan hal itu, guru wajar menguasai kemahiran TMK dalam konteks pelaksanaan PdP di bilik darjah. Guru abad ke-21 perlu menggunakan teknologi terkini sebagai medium penyampaian ilmu yang



*Teknologi maklumat dan komunikasi membantu melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran pada masa ini.*

berkesan. Oleh itu, guru perlu memiliki pengetahuan asas komputer yang mantap, di samping tahu serta boleh melayari internet dengan baik.

Revolusi Industri 4.0 yang bermula pada tahun 2016 merupakan kesinambungan versi ketiga dalam peningkatan automasi berserta rangkaian internet dan proses fizikal lain. Kini, muncul pula satu sistem berbentuk penemuan pelbagai teknologi baharu yang menggunakan automasi, analisis dan data raya, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik, *cloud*, *Internet of Things* (IoT). Kesemua ini melibatkan teknologi automasi yang memberikan cabaran baharu kepada semua sektor di negara ini.

Kemajuan TMK mengehendaki semua pihak melakukan perubahan yang seiring dengan transformasi digital supaya dapat kekal untuk berdaya saing dan merencanakan kemajuan landskap pendidikan. Hal ini sekali gus memerlukan guru bertindak untuk mengubah cara PdP di bilik darjah agar selari dengan perkembangan semasa, khususnya perubahan dari segi bentuk interaksi guru dengan pelajar secara lebih interaktif dan spontan. Selain itu, guru juga perlu memikirkan bentuk bahan pengajaran yang diprogramkan dalam bentuk multimedia. Guru juga harus memikirkan bentuk aktiviti yang dirancang agar berpusatkan pelajar tanpa guru menguasai sesi PdP sepenuhnya. Dalam hal ini, cara pembelajaran sendiri amat digalakkan mengikut tahap pencapaian pelajar. Guru juga perlu mengadakan perubahan dari segi pentadbiran kelas sama ada hendak dijalankan di bilik darjah atau di luar bilik darjah.

Penggunaan TMK juga menuntut guru untuk membuat perubahan dari segi penilaian pelajar yang lebih komprehensif secara dalam talian. Hal ini membolehkan peranan guru sebagai fasilitator dan pembimbing dapat ditingkatkan untuk membantu pelajar pada waktu yang diperlukan. Penggunaan TMK dalam kalangan pelajar dapat membentuk sikap positif dan menyelesaikan masalah yang kompleks dengan berkesan. Selain itu, guru yang cekap menggunakan TMK

Bahan bukti ini boleh  
disimpan dalam  
pelbagai cara. Guru  
besar dan guru perlu  
mengadakan sesi  
perjumpaan bersama-  
sama ibu bapa  
sekurang-kurangnya  
dua kali setahun, iaitu  
pada semester pertama  
dan semester kedua.

akan memanfaatkan perisian komputer sebagai medium penyampaian konsep atau prinsip sesuatu mata pelajaran dengan lebih mudah dan jelas. Hal ini sudah tentu dapat meningkatkan pengetahuan murid dengan lebih berkesan.

Guru abad ke-21 boleh menjadi penilai yang baik lagi dinamik kepada murid. Dalam hal ini, guru perlu menetapkan sasaran yang mereka inginkan untuk mengetahui sejauh mana berkesannya sesuatu PdP yang disampaikan di bilik darjah. Guru abad ke-21 bukan sahaja meletakkan nilai A, B atau C tetapi mampu menentukan bahawa murid hanya boleh menguasai sesuatu mata pelajaran tetapi boleh menjadi guru atau contoh kepada kawan-kawannya.

Konsep Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang diperkenalkan oleh KPM wajar dikuasai oleh semua guru. Guru perlu mengetahui matlamat yang akan dicapai dalam pendidikan murid di sekolah, apa-apa yang ditaksir dan kualiti yang harus ada

pada setiap murid. Dalam hal ini, guru menggunakan standard prestasi sebagai rujukan untuk menentukan aktiviti pentaksiran dilaksanakan secara adil dan berfokus. Standard prestasi merupakan satu pernyataan yang menerangkan tahap penguasaan murid dalam sesuatu bidang atau mata pelajaran yang dipelajarinya. Guru perlu menyediakan PdP yang menyeronokkan dan pembentukan karakter murid dilaksanakan melalui lima aktiviti berasaskan PBD yang utama seperti bercerita, projek mudah, permainan, main peranan dan kuiz.

Semasa berlangsungnya PBD, murid perlu dibimbing untuk mencapai sekurang-kurangnya Tahap Penguasaan 3 (Tahap Penguasaan Minimum). Dalam hal ini, hasil latihan murid boleh disimpan sebagai bukti kepada pentadbir dan ibu bapa yang ingin melihat hasil kerja yang dijalankan oleh anak mereka. Bahan bukti ini boleh disimpan dalam pelbagai cara. Guru besar dan guru perlu mengadakan sesi perjumpaan bersama-sama ibu bapa sekurang-kurangnya dua kali setahun, iaitu pada semester pertama dan semester kedua. Dalam konteks ini, guru boleh melakukan pentaksiran dan sentiasa memastikan penajajaran strategi pengajaran dan instrumen yang dijalankan bersesuaian dengan bidang yang ditaksir. Bahan yang ditaksir dijadikan rujukan oleh guru untuk menilai muridnya. Murid yang gagal mencapai standard yang ditetapkan perlu melalui sesi pemulihan dan guru perlu membimbing murid sehingga murid tersebut dapat mencapai Tahap Penguasaan 3.

Ringkasnya, guru abad ke-21 wajar meningkatkan profesionalisme mereka agar selari dengan perkembangan semasa. Guru abad ke-21 juga wajar menguasai semua elemen PdP yang terkini agar PdP tidak statik dan hambar. Sememangnya, peranan guru memang amat penting dalam pembentukan kemenjadian murid. Kesemua ciri guru yang telah dibincangkan merupakan elemen penting dalam usaha memartabatkan profesionalisme keguruan abad ke-21. **PB**